

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.PB10.12/04JLDII( 06 )

Tarikh: 11 November 2005

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2005**

Semua Pengurus Bahagian

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof./Tuan /Puan

**PERATURAN BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN  
TAHAP KECEKAPAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2004 - Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan.

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang bersidang pada 12 Ogos 2005 bersetuju untuk menerima Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2004 – Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan.
- 1.2 Di bawah Sistem Saran Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi menggalakkan pembangunan diri anggota Perkhidmatan Awam.
- 1.3 Bagi melaksanakan PTK yang telah ditetapkan, terdapat pegawai-pegawai yang telah dilantik di peringkat jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas sebagai Lembaga Penilaian Kompetensi, Panel Penggubalan Kurikulum Kursus / Panel Peperiksaan, Panel Penilaian Kursus dan juga pegawai yang terlibat dalam urusan peperiksaan samada secara bertulis mahupun lisan.
- 1.4 Sebagai menghargai tugas yang telah dilaksanakan, bayaran saguhati mengikut kadar tertentu diberikan kepada pegawai yang terlibat.

## **2.0 PELAKSANAAN**

- 2.1 Bayaran saguhati ini diberikan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK seperti yang telah ditetapkan di **Lampiran A.**
- 2.2 Pegawai-pegawai yang terlibat adalah mereka yang telah menjalankan tugas secara langsung dalam menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian dan peperiksaan.
- 2.3 Bayaran saguhati juga diberikan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan peperiksaan perkhidmatan dan peperiksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya-Suruanjaya Perkhidmatan dan kadar bayaran yang diberikan adalah mengikut sepertimana yang telah ditetapkan di para 2, 4 dan 5 pekeliling berkenaan seperti di **Lampiran A.**

## **KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian tuan.

Sekian terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

### **ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

**Bendahari**

**6007**

- |     |   |                                    |
|-----|---|------------------------------------|
| s.k | - | Y. Bhg. Rektor                     |
|     | - | Y. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)      |
|     | - | Y. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik) |
|     | - | Pendaftar                          |
|     | - | Ketua Unit Audit Dalam             |

**KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI			
1.	<b>Lembaga Penilaian Kompetensi</b>	Bayaran Menghadiri Mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat. (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)			
2.	<b>Panel Penggubalan Kurikulum Kursus/Panel Peperiksaan</b>	Bayaran Menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat. (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)			
3.	<b>Panel Penilaian Kursus</b>	i. RM50 sejam bagi kehadiran semasa kursus termasuk mesyuarat dengan maksimum RM1,000 satu kursus; dan ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 satu kursus bagi penilaian Sesi Pengucapan Awam, Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.			
4.	<b>Urusan Peperiksaan</b>  i. Penyelaras Pusat/Pengawas Peperiksaan	i. Penyelaras Pusat Peperiksaan/Ketua Pengawas ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/Pengawas (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)	<b>Peperiksaan Sesi Pagi</b> (sehingga pukul 1.00 tgh)	<b>Peperiksaan Sesi Petang</b> (mulai pukul 2.00 ptg)	
			RM40 satu sesi	RM20 satu sesi	
			RM30 satu sesi	RM15 satu sesi	
			(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)		
	ii. Penggubal Soalan/Rencana	i. Soalan esei dengan skema jawapan ii. Soalan objektif/pendek/isi tempat kosong dengan skema jawapan iii. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skim markah bagi kederasan: - ≥ 100 perkataan seminit - < 100 perkataan seminit iv. Rencana ujian menaip (*Dengan syarat soalan/rencana diterima oleh Panel Peperiksaan)	<b>PTK Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>	<b>PTK Kumpulan Sokongan</b>	
			RM40 satu soalan	RM30 satu soalan	
			RM30 satu soalan	RM20 satu soalan	
			RM80 satu rencana RM70 satu rencana RM50 satu rencana		

<b>BIL.</b>	<b>PEGAWAI YANG TERLIBAT</b>	<b>KADAR BAYARAN SAGUHATI</b>		
		<b>PTK Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>	<b>PTK Kumpulan Sokongan</b>	
	iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/Trengkas/ Taipan	i. Kertas jawapan esei <b>Masa Kertas</b> - kertas $\geq$ 3 jam - kertas $\geq$ 2 jam $<$ 3 jam - kertas $\geq$ 1 jam $<$ 2 jam - kertas $<$ 1 jam ii. Kertas soalan objektif/pendek/isi tempat kosong iii. Kertas trengkas taip bagi kederasan: - $\geq$ 100 perkataan seminit - $<$ 100 perkataan seminit iv. Kertas taipan ujian menaip (*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)	RM6 satu kertas RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas  5 sen satu soalan  RM2.50 satu rencana RM1.50 satu rencana RM1.50 satu rencana	RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas RM2 satu kertas
	iv. Pembaca Rencana	Rencana Ujian Trengkas i $\geq$ 100 perkataan seminit ii $<$ 100 perkataan seminit	RM80 satu rencana RM70 satu rencana	
5.	<b>Urusan Peperiksaan Secara Lisan/Amali/ Pemerhatian/Temuduga</b>	Bayaran pemeriksa lisan/amali/ pemerhatian/temuduga	<b>Peperiksaan Sesi Pagi</b> (sehingga pukul 1.00 tgh) RM40 satu sesi  (*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	<b>Peperiksaan Sesi Petang</b> (mulai pukul 2.00 ptg) RM20 satu sesi